Sila tanda ☑ di petak yang berkenaan untuk kawasan yang dipilih.

- Wilayah Sabah (24-25 Mei 2022) — TELAH BERLANGSUNG ☐
- Wilayah Utara (22-23 Mac 2022) — TELAH BERLANGSUNG ☐
- Wilayah Sarawak (1-2 April 2022) — TELAH BERLANGSUNG ☐
- Wilayah Selatan (14-15 Jun 2022) — TELAH BERLANGSUNG ☐
- Wilayah Timur (19-20 Julai 2022) — PENUH ☐
- Wilayah Tengah (9-10 Ogos 2022) — PENUH ☐

# PERTANYAAN

Borang pendaftaran yang lengkap berserta salinan kad pengenalan dan pembayaran hendaklah dialamatkan kepada:

**Ketua Pengarah MPOB**
**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**
**6 Persiaran Institusi**
**Bandar Baru Bangi**
**43000 Kajang, Selangor**
*(u/p: Unit Latihan dan Pengurusan Persidangan)*

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:


**Teknikal**

**Hj. Khairuman Hashim**
No. Tel : 03-8769 4984 atau 8769 4551
E-mel : *khairuma@mpob.gov.my*

**Pendaftaran**

**Nurul Aishah Musa**
No. Tel : 03-8769 4568
E-mel : *nurul.aishah.musa@mpob.gov.my*

**Mohd Shahrul Niza Yahya**
No. Tel : 03-8769 4870
E-mel : *shahrulniza.yahya@mpob.gov.my*
Faks : 03-8925 7549 / 8926 1202


## Nota Penting

Peserta kursus dikehendaki menduduki peperiksaan praktikal dan teori bagi melayakkan mendapat sijil kursus.

Yuran pendaftaran tidak dikembalikan sekiranya peserta/pengganti gagal menghadiri kursus.

# KURSUS PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT 2022



MPOB IMPAC


**Anjuran**
**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)**
www.mpob.gov.my
**dengan kerjasama**
**INSTITUT PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA (IMPAC)**
https://impac.edu.my

# PENDAHULUAN

Penggunaan anak benih yang bermutu tinggi merupakan salah satu faktor terpenting dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit di peringkat ladang. Menanam anak benih yang berkualiti serta mempraktikkan pengurusan dan amalan agronomi yang betul, akan menghasilkan buah tandan segar (BTS) yang bermutu dengan hasil yang tinggi. Oleh itu, pemilihan anak benih adalah kritikal bagi penanaman sawit yang mempunyai hayat ekonomi sehingga 25 tahun. Pemilik ladang akan mengalami kerugian jika menanam anak benih yang tidak berkualiti. Oleh itu, pengusaha nurseri bertanggungjawab untuk membekalkan anak benih berkualiti kepada industri sawit. Tanggungjawab pengguna hendaklah membeli anak benih sawit dari tapak semaian yang berlesen dan mempunyai sijil CoPN.

# OBJEKTIF

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawai yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang piawai yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Kod Amalan Baik Nurseri Sawit atau *Code of Good Practice for Oil Palm Nurseries* (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan di samping penilaian dari sudut ekonomi bagi mengusahakan nurseri sawit.

# YURAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran yang dikenakan kepada peserta ialah **RM600** (Ringgit Malaysia: Enam Ratus Sahaja). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek, pindahan wang atau draf bank atas nama (sila kemukakan slip bayaran):

Penerima : Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Bank : CIMB Islamic Bank Berhad
Tingkat Bawah dan Tingkat Satu,
Blok A-2 & A-3, MKH Avenue,
Jalan Avenue 1A,
43000 Kajang, Selangor.
Swif kod : CTBBMYKL
No. Akaun : 8600471810

**Peserta dikehendaki membuat pembayaran yuran pendaftaran sebelum kursus.**

**Pembayaran melalui wang pos tidak diterima.**

Yuran yang dikenakan termasuk bahan-bahan kursus iaitu nota syarahan, makan tengah hari, minum pagi/petang dan pengangkutan ke tempat praktikal semasa kursus.

Jumlah peserta yang boleh diterima adalah terhad iaitu seramai 50 orang untuk setiap siri kursus.

Tempat penginapan peserta kursus tidak disediakan dan menjadi tanggungan peserta sendiri.

Pendaftaran hendaklah dibuat melalui borang yang dilampirkan. Tarikh tutup pendaftaran adalah dua minggu sebelum tarikh kursus.

# SIAPA YANG PATUT HADIR

Kursus ini dirangka untuk pengusaha dan sesiapa yang berminat bagi meningkatkan tahap kualiti pengurusan nurseri sawit.

# SYARAT KURSUS

- Warganegara Malaysia.
- Boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Malaysia.
- Sihat tubuh badan.
- Umur tidak kurang 18 tahun.

# KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih yang berkelayakan serta pakar dalam tajuk berkaitan dari MPOB dan industri. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

Tajuk-tajuk kursus adalah:

- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN)
- Aspek-aspek Pengurusan Ekonomi Nurseri Sawit
- Pengawalseliaan Nurseri Sawit

Latihan amali akan diadakan di tapak semaian bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang baik.

# BORANG PENDAFTARAN

## KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT 2022

1. Nama Peserta
2. Alamat Surat-Menyurat
3. Bumiputera/Bukan Bumiputera
4. Jantina
5. No. Kad Pengenalan
6. No. Telefon Rumah
7. No. HP
8. E-mel
9. No. Lesen MPOB (jika ada) — Tarikh Mula — Tarikh Tamat Tempoh
10. Nama Syarikat/Organisasi
11. Jawatan
12. Alamat Pejabat
13. No. Telefon Pejabat
14. No. Faks Pejabat
15. Yuran Pendaftaran RM: ____________________
(Ringgit Malaysia: ____________________________________)
Saya lampirkan No. Cek/EFT/Bank Draf bernombor:
__________ bernilai RM ________ sebagai Yuran Pendaftaran.

Tandatangan: ____________________

Nama: ____________________

Jawatan: ____________________

Tarikh: ____________________